

AHMAD MUNAWAR ISMAIL
NORANIZAH YUSUF

Sumbangan Pendidikan dalam Memperkasakan Tamadun Bangsa: Perspektif Islam

ABSTRAK

Pendidikan berupaya memelihara dan memancarkan nilai-nilai asas sesebuah masyarakat; dan begitu juga sebaliknya, pendidikan boleh menjadi punca kekeliruan dalam sesebuah masyarakat. Pendidikan dapat membantu pertumbuhan sahsiah dan menyemai jati diri seseorang individu. Artikel ini bertujuan membincangkan pendidikan dalam Islam dan peranannya dalam memperkasakan tamadun sesebuah bangsa. Pendidikan Islam mempunyai kekuatannya yang tersendiri kerana dengannya kita berupaya meletakkan asas yang kukuh dalam pembinaan tamadun manusia yang cemerlang dalam aspek duniawi juga ukhrawi. Dalam Al-Qur'an terdapat banyak ayat yang mengutarakan aspek pendidikan dalam pembinaan tamadun manusia, bahkan penurunan Al-Qur'an itu sendiri bermatlamat untuk mendidik manusia. Begitu juga dengan Hadith dan Sunnah Rasulullah, banyak daripada riwayat-riwayat Baginda yang menjurus kepada kepentingan pendidikan dalam memperkasakan tamadun ummah, dan dikuatkan lagi dengan beberapa contoh tindakan yang Baginda laksanakan dalam menggalakkan umat Islam untuk mencintai ilmu pengetahuan.

***Kata-kata kunci:** Pendidikan, Al-Qur'an, Al-Sunnah, contoh pendidikan Islam, dan memperkasakan tamadun bangsa.*

PENDAHULUAN

Umum mengetahui bahawa pendidikan memainkan peranan yang cukup penting dalam usaha pembangunan dan ketamadunan sesebuah masyarakat. Pendidikan merupakan satu bentuk medium untuk membentuk budaya sesebuah masyarakat. Skop pendidikan, dikatakan, mencerminkan sikap dan kecenderungan yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Demikian juga, pendidikan merupakan elemen terpenting dalam proses tumbesaran dan kematangan seseorang yang dapat melahirkan generasi yang berguna dan berakhlak mulia.

Dr. Ahmad Munawar Ismail ialah Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia; dan **Noranizah Yusuf** ialah Pelajar Sarjana di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM. Mereka boleh dihubungi di alamat emel: munawar@ukm.my dan alfaizah_87@yahoo.com

Dalam usaha untuk merealisasikan acuan tersebut, pendidikan adalah sangat penting untuk diaplikasikan bagi memantapkan kesemua nilai murni dalam setiap diri individu. Di samping itu, pendidikan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Tanpa pendidikan, masyarakat umumnya akan hidup dalam kemunduran, di samping akan menyebabkan keruntuhan moral yang berleluasa. Selaras dengan kepentingannya, maka ianya perlu dijadikan satu agenda penting yang patut dilaksanakan mengikut landasan yang sewajarnya.

Akan tetapi hal ini berbeza dengan skop pendidikan Islam yang bersifat dominan, tidak bersifat mengikut arus dan kehendak masyarakat sahaja. Sebaliknya, pendidikan Islam mempunyai misi bagi mengubah minda dan tingkah-laku masyarakat agar serasi dengan tuntutan dan kehendak ajaran Islam itu sendiri. Sungguhpun begitu, pendidikan Islam tidaklah begitu rigid sifatnya hingga meminggirkan semua elemen atau unsur yang sedia ada dalam sesebuah masyarakat. Dalam konteks pendidikan Islam, pendidikan hendaklah berteraskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah yang didasari dengan tauhid dan mengesakan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*). Kegagalan untuk meletakkan Al-Qur'an dan Al-Sunnah dalam pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah Muslim yang komited terhadap tuntutan agama.

Oleh yang demikian, umat Islam masa kini disarankan untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan menekankan dan menghidupkan semula elemen pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kita pada hari ini. Pendidikan boleh diibaratkan sebagai senjata yang sangat ampuh dalam mematahkan serangan ideologi mana-mana pihak yang berusaha untuk menjatuhkan Islam, sekaligus membentuk dan mewujudkan manusia yang baik dan bertaqwa yang menyembah Allah SWT dalam pengertian sebenar-sebenarnya, membina kehidupan duniawinya menurut syariah (undang-undang Islam), serta mengamalkannya untuk tujuan mengukuhkan keimanannya.

KONSEP, FALSAFAH, DAN OBJEKTIF PENDIDIKAN

Dalam *Kamus Dewan*, pendidikan ialah kata nama terbitan daripada kata akar "didik" yang membawa maksud jaga, pelihara, dan ajar. Perkataan "pendidikan" juga bersinonim dengan ajaran, latihan, tarbiah, pelajaran, bimbingan, asuhan, dan tunjuk ajar (DBP, 2007:350). Dalam Bahasa Inggeris, pendidikan disebut sebagai *education* (Simpson & Weiner, 1989:74), yang dikatakan berasal daripada cantuman dua kalimah dalam bahasa Latin, iaitu *e'ex* dan *ducereduc* bererti "memimpin"; yang dapat diinterpretasikan pula sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat (Ishak, 1995:4-5).

Dalam Bahasa Arab, terdapat beberapa kalimah yang merujuk kepada pendidikan. Mengikut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979:2-4) dan Rosnani Hashim (2006:6), antara kalimah yang selalu digunakan ialah seperti berikut:

Pertama, Tarbiyyah. Kalimah ini berasal daripada kata dasar *rabba*, bermaksud mengasuh, memelihara, atau memimpin. Ia juga merujuk kepada proses perkembangan potensi individu, mengasuh, atau mendidik untuk menuju kepada satu keadaan yang selesa dan matang (Halsted, 2004:522).

Kedua, Ta'lim. Kalimah ini berasal daripada konotasi *'alima*, bermaksud mengetahui, memberitahu, melihat, mencerap, atau menanggapi. Ia juga merujuk kepada proses menyampaikan atau menerima ilmu pengetahuan yang kebiasaannya didapati melalui latihan, arahan, tunjuk ajar, atau lain-lain bentuk pengajaran (Halsted, 2004:522).

Ketiga, Ta'dib. Kalimah ini berasal daripada *aduba*, bermaksud memperhalusi, berdisiplin, dan berbudaya. Ia juga merujuk kepada proses pembinaan watak dan pengajaran asas-asas penting untuk hidup bermasyarakat, ini termasuklah memahami dan menerima prinsip yang paling asas sekali, iaitu keadilan (Naquib al-Attas, 1979:2-4; dan Halsted, 2004:522).

Secara umumnya, ketiga-tiga kalimah ini membawa maksud pendidikan, tetapi jika diteliti secara lebih mendalam ternyata ketiga-tiga istilah ini membawa maksud yang berlainan. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992:xxi) dan Rosnani Hashim (2006:6) pula bahawa antara ketiga-tiga kalimah tersebut, kalimah *ta'dib* lebih tepat kerana ia mempunyai makna yang lebih spesifik untuk menggambarkan proses pendidikan manusia, berbanding dengan kalimah *tarbiyyah* yang mempunyai maksud yang lebih luas sehingga meliputi haiwan, di samping penekanannya kepada pengasuhan fizikal lebih daripada penyuburan mental dan rohani. Hujah ini diperkuatkan lagi dengan mengambil contoh Rasulullah, Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*), yang telah menggunakan perkataan *ta'dib* untuk merujuk tentang pendidikan yang diberikan oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) kepada baginda Nabi.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992) lagi, kalimah *ta'dib* memberi pengertian yang membawa sebagai satu proses memperkembangkan pertumbuhan dan membentuk peribadi seseorang individu dalam segala aspek kehidupannya, termasuklah bidang intelektual, sosial, fizikal, kerohanian, estetika, dan moral. Ia bukan semata-mata suatu proses unsur adab, hikmah, dan adil yang akhirnya membawa manusia untuk mengenali dan mengiktiraf Allah SWT selaku pencipta dan pemilik alam ini dan kita manusia sebagai hamba kepada-Nya. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa lagi istilah atau perkataan yang memberi makna pendidikan, iaitu *tarbib*, *tadris*, *tazkiyyah*, dan *riyadah* (Azmi Jasmi & Halim Tamuri, 2007:3). Walau bagaimanapun, huraian terhadap perkataan-perkataan tersebut tidak akan dibincangkan dalam makalah ini.

Sehubungan itu, ahli-ahli pendidikan umumnya telah memberikan pelbagai definisi berkaitan dengan konsep pendidikan. Menurut Omar Mohd Hashim, dalam ucapannya semasa Kongres Pendidikan Negara yang berlangsung pada 17 Mac 1988, beliau telah mendefinisikan "pendidikan" sebagai pemindahan

sesuatu jenis atau kumpulan kemahiran atau pengetahuan daripada seorang guru kepada murid-muridnya. Menurut Hamid Reza Alavi (2008:5), dengan memetik pandangan daripada Hills, “pendidikan” adalah satu proses pembelajaran yang bertujuan untuk memperluaskan manusia dengan pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka hidup dalam kesejahteraan.

Selain itu, tokoh-tokoh falsafah Yunani juga tidak ketinggalan dalam membicarakan berkenaan dengan pendidikan. Menurut Aristotle, yang dipetik daripada Rosnani Hashim (2006), pendidikan ialah pemupukan tabiat-tabiat atau *virtues* terbaik yang apabila telah dihayati akan menjadikan seseorang itu sentiasa melakukan yang terbaik. Tambahnya lagi, tabiat yang paling baik ialah penggunaan akal untuk *menaakul* atau berfikir. Justeru, pendidikan merupakan satu usaha untuk merealisasikan seoptimum mungkin segala potensi kebaikan yang dimiliki oleh manusia (Hashim, 2006:7). Manakala menurut Plato, seorang ahli falsafah dan pendidikan Greek purba, telah mentakrifkan pendidikan sebagai suatu latihan jasmani dan rohani bagi mencapai kecantikan dan kesempurnaan (dipetik oleh Ishak, 1995:9).

Ahli-ahli pendidikan Barat pada zaman moden ini juga banyak memberikan pandangan mereka mengenai konsep pendidikan. Antara mereka ialah Mouly yang mentakrifkan pendidikan sebagai satu proses yang dapat menyesuaikan individu dengan kehidupan sosial, undang-undang, kepercayaan, agama, dan situasi masyarakat dari satu generasi kepada generasi berikutnya. Pendidikan juga ditakrifkan sebagai seni atau proses memperoleh ilmu pengetahuan serta tabiat menerusi tunjuk ajar (dipetik oleh Ishak, 1995:9). Menurut John Dewey (1930:12) pula, seorang ahli falsafah dan pendidikan di Amerika Syarikat, telah mentakrifkan pendidikan sebagai proses bagi membentuk kecenderungan asasi yang berupa kepercayaan dan perasaan terhadap alam sejarat dan sesama manusia. Beliau juga mentakrifkan pendidikan sebagai satu proses mengatur dan menambah ilmu pengetahuan yang dimiliki supaya dapat hidup dengan selamat.

Menurut Stuart Mill, yang dipetik oleh Abdullah Ishak (1995:5), menyatakan bahawa pendidikan bukan sahaja mengandungi erti bagi sesuatu yang kita lakukan untuk diri kita dan sesuatu yang dilakukan oleh orang lain terhadap kita, yang motifnya untuk memandu kita ke arah yang lebih hampir kepada kesempurnaan fitrah, bahkan untuk memahami daya usaha yang terdapat pada bakat dan watak seseorang. Menurut Home pula, yang dipetik juga oleh Abdullah Ishak (1995:5), menyatakan bahawa pendidikan ialah suatu proses yang abadi bagi menyesuaikan diri manusia dengan kehidupan, ketahanan, dan kematangan jasmani serta akal fikiran.

Pendidikan juga merupakan proses pembelajaran sepanjang masa yang bermula ketika dilahirkan dan berakhir ketika kita mati. Ia bermaksud, setiap masa sedar yang digunakan seseorang memperolehi, menganalisis, dan menyerap pengetahuan. Menurut Hassan Langgulung:

Bahawa pendidikan, sebagai pengembangan potensi, dapat diumpamakan seperti pertumbuhan dan perkembangan bunga-bunga, di mana potensi-potensi tersembunyi yang ada pada benih, berkembang menjadi bunga yang matang dan mekar. Sebagai bandingannya, kanak-kanak itu ialah benih di mana terdapat potensi-potensi yang masih tersembunyi dan tidak nampak; guru adalah tukang kebun yang menerusi kemesraan dan pemeliharaannya yang cermat dapat membuka potensi-potensi yang tersembunyi ini; dan pendidikan adalah proses mengajar-berkebun yang dengan itu kebolehan-kebolehan yang tidak nampak menjadi nampak, melalui pilihan dan penggunaan yang bijak terhadap baja yang sesuai (Langgulung, 2001:18-19).

Dalam konteks Islam pula, pendidikan merupakan satu pelajaran atau pendidikan bagi kognitif, fizikal, dan roh untuk melahirkan insan yang berperikemanusiaan. Definisi falsafah ini menumpu kepada pembentukan individu seseorang hingga menjadi seorang manusia yang benar-benar sempurna, bukan sahaja dari segi pertambahan ilmu bahkan dari segi pembentukan akhlak dan rohani (Ahmad, 1975:6). Manakala menurut H.M Chabib Thoha (1996: 3), pendidikan Islam adalah pendidikan yang falsafah dan tujuan serta teori-teorinya dibangunkan untuk melaksanakan praktik pendidikan yang didasarkan kepada nilai-nilai Islam yang terkandung dalam Al-Qur'an dan Hadis Nabi. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992:xvi-xvii) pula memberikan pengertian bahawa pendidikan Islam adalah usaha yang dilakukan oleh pendidik terhadap anak didik untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar dari segala sesuatu dari aturan penciptaan sehingga membimbing mereka ke arah kebaikan.

Berdasarkan penerangan di atas dapat disimpulkan bahawa pendidikan merupakan satu proses dan usaha yang praktikal untuk menghasilkan sesuatu, mengubah pandangan, atau cara berfikir, yang seterusnya membawa kepada paradigma atau perubahan dalam tingkah-laku seseorang. Pendidikan merupakan proses yang berlaku secara berterusan kerana ia bukan hanya boleh didapati di dalam kelas-kelas pengajian sahaja, bahkan boleh diperolehi daripada pengalaman, pemerhatian, penggunaan akal rasional, autoriti, dan ilham; manakala dalam konteks Islam, sumber yang paling asas untuk pendidikan adalah diperolehi daripada Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

Walau bagaimanapun, Islam tidaklah melihat pendidikan dari skop yang sempit; ia tidak terbatas kepada pendidikan duniawi semata-mata, bahkan meliputi dua lapangan, iaitu di dunia dan di akhirat. Dalam konteks ini, Ibn Khaldun (2000: 549-551) telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian yang utama. *Pertama*, ilmu yang berbentuk *fardhu 'ain* yang dituntut ke atas setiap orang supaya mengetahui dan mempelajarinya dalam melaksanakan tuntutan agama seperti ilmu tauhid, fiqh, akhlak, akidah, dan sebagainya. *Kedua*, ilmu yang berbentuk *fardhu kifayah* iaitu ilmu yang mesti ada pada sekumpulan orang dalam masyarakat tanpa melihat kepada individu tertentu seperti ilmu pertukangan, kemahiran, perniagaan, kedokteran, ekonomi, fizik, astronomi, dan sebagainya yang boleh mandatkan manfaat kepada manusia. Ini membuktikan bahawa agama Islam tidak mementingkan pencapaian intelektual

yang tinggi semata-mata, bahkan perlu dilengkapi dengan kefahaman yang jelas mengenai agama Islam itu sendiri bagi menghasilkan manusia yang cemerlang di dunia mahupun di akhirat.

Jelasnya, pendidikan Islam dijadikan sebagai satu proses mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, memperbaiki, mengawal hawa nafsu, membentuk ketaatan kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), membentuk sikap sopan dan beradab (mempunyai akhlak yang baik), dan memadamkan semua sifat tercela yang ada dalam diri manusia. Semua definisi ini memberikan kefahaman bahawa hampir keseluruhan pendidikan yang dikehendaki dalam Islam ialah merujuk kepada pendidikan rohani manusia selaku hamba Allah SWT di muka bumi ini bagi memancarkan kejernihan akhlak dan budi pekerti yang tinggi, selain untuk perkembangan ilmu pengetahuan itu sendiri yang merupakan medium yang amat penting dalam membangunkan ketamadunan manusia yang hidup di dunia ini.

Di sini juga dapat disimpulkan bahawa tiga perkara penting yang boleh digarap dari beberapa definisi pendidikan di atas ialah: *pertama*, pendidikan Islam menyangkut aspek jasmani dan rohani yang merupakan dua elemen penting yang tidak boleh dipisahkan. Oleh yang demikian, pembinaan terhadap kedua-dua aspek tersebut haruslah seimbang dan tidak boleh berat sebelah. *Kedua*, pendidikan Islam dinilai berdasarkan konsep yang wujud pada nilai-nilai agama. Ini bermaksud, pendidikan Islam tidak mengabaikan agama sebagai sumber ilmu itu sendiri, yakni ilmu yang berpaksikan kepada Allah SWT. *Ketiga*, dalam pendidikan Islam wujud unsur ketaqwaan sebagai matlamat yang harus dicapai. Seperti yang telah kita ketahui bahawa taqwa merupakan benteng yang dapat berfungsi sebagai daya tangkal terhadap pengaruh-pengaruh negatif yang datang dari luar dan boleh merosakkan nilai keagamaan yang ada pada diri seseorang ataupun masyarakat.

AYAT-AYAT PENDIDIKAN DALAM AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH SERTA PERANANNYA DALAM MEMPERKASAKAN TAMADUN UMMAH

Mengenai Pendidikan Menurut Al-Qur'an. Al-Qur'an telah diturunkan oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) kepada Nabi Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) melalui perantaraan Jibrail AS (*'Alaihi Salam*) untuk dijadikan panduan bagi umat manusia. Al-Qur'an juga diturunkan untuk mendidik manusia, khususnya masyarakat Islam, dalam menjalani kehidupan di dunia dengan sebaik mungkin kerana mereka yakin adanya hari pembalasan kelak. Al-Qur'an juga mengajak manusia supaya sentiasa memerhati serta merenungi tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang ada di langit dan di bumi. Alam ini merupakan bahan untuk berfikir, sebagai lembaran buku pengetahuan, di samping menjadi bukti bagi kesatuan pentadbiran dan peraturan (Shadid, 1994:61).

Secara umumnya, proses pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi apabila Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS seperti firman-Nya (Al-Baqarah, 2:31) yang bermaksud:

Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada Malaikat, lalu Ia berfirman, "Terangkanlah kepada-Ku nama benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar".¹

Ayat ini jelas menggambarkan bagaimana Allah SWT mengajar Nabi Adam segala nama benda yang terdapat di dalam dunia ini yang bakal dihuninya. Tujuan pengajaran ini untuk kemudahan Nabi Adam dan zuriatnya tinggal di dunia sehingga hari kiamat (Ashraf, 1985:3; dan Azmi Jasmi & Halim Tamuri, 2007:5). Menurut Mahyuddin Ashaari (2001:5) pula bahawa *al-Asma* ialah nama-nama sesuatu benda atau perkara yang mana dengan mengenali atau mengetahui nama sesuatu perkara atau benda merupakan kunci atau asas kepada pembentukan ilmu daripada seseorang manusia. Oleh yang demikian, manusia ditakliffkan sebagai *khalifah* atau pemimpin untuk memakmurkan bumi ini kerana manusia dibekalkan dengan akal yang berpotensi untuk berfikir dan mencari ikhtiar bagi mengatur kehidupan mereka di dunia ini (Ashraf, 1985:4).

Sehubungan dengan itu, paradigma pendidikan dalam Al-Qur'an juga tidak lepas dari tujuan Allah SWT menciptakan manusia itu sendiri, iaitu penyerahan diri secara ikhlas kepada pencipta yang terarah kepada tercapainya kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, sebagaimana firman Allah SWT (al-Zariyyat, 51:56) yang bermaksud: "*Dan (ingatlah), Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku*" (Pimpinan ar-Rahman, t.t.).

Di samping itu, Islam adalah agama yang amat mementingkan dan menggalakkan umatnya menuntut ilmu. Bahkan Al-Qur'an telah memainkan peranan yang cukup penting dalam pembinaan tamadun Islam agar umatnya terus belajar dan belajar serta sering menyelidiki terhadap sesuatu perkara. Perkara ini dibuktikan di dalam wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah dalam firman Allah SWT (al-Alaq, 96:1-5) yang bermaksud:

Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang Menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dengan nama Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya (Pimpinan ar-Rahman, t.t.).

Ayat ini memberi isyarat dan perintah yang amat jelas dalam bidang pendidikan. Perkataan *iqra'* (bacalah) yang disebutkan oleh malaikat Jibrail AS berulang-ulang kali kepada Rasulullah SAW menegaskan supaya umat manusia belajar, mengkaji, dan mencari ilmu. Jika diteliti secara lebih mendalam, ayat ini mendidik dan mengajak orang yang beriman supaya menjadi orang yang berilmu (Yusuf Ahmad, 2002:53). Petunjuk awal ini jugalah yang telah mendorong Rasulullah SAW menjadikan aspek pembinaan peribadi

¹Semua terjemahan ayat Al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran* (Kuala Lumpur, Malaysia: Darul Fikir Sdn. Bhd, t.t.).

cemerlang sama ada secara fizikal, mental, mahupun spiritual mendahului segala agenda lain yang bersifat duniawi, material, dan pembangunan fizikal (Jaafar, 2003:137).

Berdasarkan ayat ini juga, ulama membuat kesimpulan bahawa belajar atau mencari ilmu itu adalah wajib, terutamanya ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama Islam (Yusuf Ahmad, 2002:53). Kejadian Allah SWT yang sangat luas memerlukan kajian yang mendalam, memerlukan manusia menggunakan akalnya, dan memperoleh pengetahuan yang tinggi. Penguasaan ilmu adalah amat dituntut oleh Islam. Justeru itu, Islam mewajibkan setiap umatnya, lelaki atau perempuan, untuk menuntut ilmu secara berterusan. Kewajipan ini juga bertujuan supaya umat Islam itu tergolong dalam umat yang cerdas dan terhindar dari kejahilan.

Inilah ayat-ayat pertama yang diturunkan oleh Allah SWT dan ia merupakan rahmat Allah yang terbesar untuk umat manusia. Dalam ayat-ayat permulaan ini, Allah SWT telah memerintahkan Nabi Muhammad SAW supaya membaca dan memperhatikan bukti kebesaran Allah di muka bumi ini; serta ayat ini jugalah yang telah menjadi landasan terciptanya pendidikan Islam bagi sekalian umat Islam (Reza, 2008: 24).

Selain daripada perintah secara langsung dari surah Al-Alaq, minda dan kesedaran manusia selalu dirangsang dengan pertanyaan retorik firman-firman Allah SWT yang berbentuk “*Apakah engkau tidak beraka!*”, “*Apakah engkau tidak berfikir?*”, dan seumpamanya. Menurut Mahyuddin Ashaari (2001:2), dalam Al-Qur’an, perkataan “akal” diulang sebanyak 49 kali yang kebanyakannya diungkapkan dalam bentuk perbuatan (*fi’il mudhari*). Dalam ilmu Bahasa Arab, ungkapan dalam bentuk ini membawa maksud selalu menggunakan akal dan berfikir. Ini menunjukkan bahawa Al-Qur’an sering merangsang dan menggalakkan manusia supaya menggunakan akal atau berfikir.

Sehubungan dengan itu, manusia juga dilahirkan dalam keadaan yang suci, bersih, dan tidak mengetahui apa-apa. Pendidikan awal adalah amat penting bagi mencorakkan kehidupan seseorang itu yang bermula dari peringkat kanak-kanak lagi. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur (Pimpinan ar-Rahman, t.t.).

Di samping itu, Allah SWT juga telah menegaskan dalam firman-Nya, surah Al-Zumar (39:9) tentang perbezaan di antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu. Firman-Nya yang bermaksud adalah seperti berikut:

Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya, orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna (Pimpinan ar-Rahman, t.t.).

Dalam ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT memberikan penghargaan yang cukup tinggi terhadap orang yang berakal, berfikiran, dan berilmu pengetahuan. Dalam ayat ini pula perkataan *ulul al-bab* dapat diertikan sebagai orang yang berakal, atau orang yang mempunyai hati, yakni orang yang mempunyai hikmah dan kebijaksanaan, yang terdiri daripada para ulama, golongan cendekiawan, dan intelektual, serta sesiapa sahaja yang menggunakan hati dan akal untuk memerhati dan memikirkan semua kejadian di muka bumi ini (Ashaari, 2001:3).

Sehubungan dengan itu, dalam Al-Qur'an terdapat juga galakan supaya manusia sentiasa berusaha untuk memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan. Sebagai contohnya, firman Allah SWT dalam surah Al-Mujadalah (58:11) yang bermaksud: "*Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu beberapa darjat*" (Pimpinan ar-Rahman, t.t.).

Janji ganjaran di sisi Allah ini merupakan insentif terpenting bagi umat manusia dalam mencari dan menyebarkan ilmu yang mana telah mewujudkan satu budaya ilmu yang universal. Dalam sejarah, umat Islam bersikap terbuka terhadap khazanah ilmu tamadun-tamadun lain, tetapi kritis dengan menyebatkan khazanah ilmu tersebut dengan nilai-nilai dan tuntutan Islam. Insentif inilah yang telah menjadi pendorong kepada pemimpin-pemimpin Islam untuk menjadi pelopor dan penaung kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan memberikan hak kepada setiap lapisan masyarakat untuk memperkembangkan minat dan kecenderungan mereka terhadap ilmu pengetahuan, walaupun tidak semua yang melibatkan diri secara aktif (Nor Wan Daud, 1990:63).

Menurut Ibn Khaldun (2000:537), Allah SWT telah memberikan darjat yang tinggi kepada manusia dan membezakan manusia dengan makhluk lain ciptaan-Nya melalui kemampuan manusia untuk berfikir supaya manusia dapat mengatur segala tindak-tanduknya dengan baik. Al-Ghazali pula menyifatkan ilmu pengetahuan adalah ilmu yang mampu meninggikan martabat manusia serta memberi *input* yang berkesan untuk membina kekuatan pada jiwa manusia. Kekuatan inilah yang akan mematahkan keinginan hawa nafsu dan membawa manusia menghampirkan diri (taat) kepada Maha Pencipta. Jelasnya, ilmu pengetahuan bukan sahaja menduduki hierarki terpenting dalam pembangunan manusia dan pembinaan masyarakat secara keseluruhan, bahkan menjadi medium utama untuk menggerak manusia melaksanakan fungsi manusia sebagai *khalifah* Allah di muka bumi ini. Oleh yang demikian, potensi yang dibekalkan oleh Allah SWT kepada manusia ini perlu dibangun, dididik, dan dilatih secara seimbang bagi melayakkan mereka memikul tanggungjawab mengurus dan memimpin umat manusia, di samping merancang dan mengatur untuk membangun dan memakmurkan alam ini sesuai dengan kejadiannya sebagai makhluk berakal (dipetik oleh Ashaari, 2001:2).

Dalam Al-Qur'an telah dijelaskan bahawa manusia memiliki potensi untuk meraih ilmu dan mengembangkannya dengan izin Allah SWT. Oleh yang demikian, terdapat banyak ayat Al-Qur'an yang memerintahkan manusia untuk menempuh dan menggunakan pelbagai cara untuk mewujudkan hal tersebut. Selain itu, terdapat banyak lagi ayat Al-Qur'an yang menunjukkan tentang kelebihan ilmu dan betapa tingginya kedudukan orang yang mempunyai ilmu pengetahuan.

Umum mengetahui bahawa pengutusan Nabi Muhammad SAW adalah merupakan era baru dalam arena pendidikan. Ini termaktub dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah (2:151), yang bermaksud:

(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan kitab (Al-Qur'an) serta hikmat kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui. Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur akan nikmat-Ku (Pimpinan ar-Rahman, t.t.).

Pendidikan pada era Rasulullah ini agak berbeza dengan yang sebelumnya, kerana ia bersumberkan wahyu. Aktiviti pembetulan akidah dan pembersihan kebudayaan yang dijalankan oleh Baginda di Mekah adalah proses pertama ke arah pembentukan sebuah tamadun Islam yang syumul. Program peningkatan tamadun umat Islam ini diteruskan oleh Nabi Muhammad SAW di Madinah dengan memperbanyakkan lagi institusi pendidikan. Baginda telah menjadikan masjid-masjid di sekitar Madinah sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran, di samping kegiatan-kegiatan lain (Bakar, 1999:55).

Untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan. Manakala untuk mencapai matlamat memiliki warganegara yang baik, asas-asas pembinaan manusia haruslah bersepadu dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh (Thaiibul Mas'udil Banjaari, 2008). Pendapat ini juga adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-A'raf ayat 172, yang bermaksud:

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?". Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang hakikat tauhid ini" (Pimpinan ar-Rahman, t.t.).

Mengenai Pendidikan Menurut Al-Sunnah. Pendidikan dalam Islam mempunyai martabat yang sangat tinggi dan penting sekali, dan ia menjadi entiti yang tidak dapat dipisahkan dengan Islam kerana merupakan tuntutan dan kewajipan. Sebagai contoh, Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) sendiri

amat menggalakkan masyarakat Islam untuk mendalami ilmu pengetahuan. Banyak daripada program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh Baginda bertujuan untuk membangunkan bidang keintelektualan Islam. Hasil galakan daripada Rasulullah SAW, maka dalam jangka masa yang singkat sahaja umat Islam telah melalui transformasi baru dalam bidang ilmu pengetahuan. Mereka bukan sahaja mahir dalam ilmu pengetahuan fiqh, tafsir, tauhid, dan sebagainya, malah telah menerokai bidang-bidang baru seperti sains, matematik, astronomi, perubatan, dan sebagainya. Perkembangan dalam pelbagai bidang keilmuan ini semakin bersemarak, khususnya pada zaman pemerintahan Kerajaan Banu 'Abbas di Baghdad dan Kerajaan Banu Umayyah di Andalus (Bakar, 1999:296).

Dari sudut pandangan Islam, mencari ilmu dan mengajarkannya adalah satu kewajipan yang sangat mulia; maka oleh yang demikian, mencari ilmu adalah satu kewajipan bagi setiap Muslim. Lebih tegas lagi, Islam mewajibkan bagi setiap umat Islam untuk menuntut ilmu, sebagaimana sabda Rasulullah SAW, yang bermaksud: "*Menuntut ilmu itu adalah kewajipan ke atas setiap orang Islam*" (Yahya Ibrahim, 2004).

Sabda Rasulullah SAW ini menunjukkan bahawa kewajipan menuntut ilmu bukanlah eksklusif kepada golongan tertentu sahaja, bahkan kewajipan tersebut adalah ke atas seluruh umat Islam. Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka berusaha untuk mengubahnya sendiri; dan di antara cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah dengan ilmu yang boleh didapati daripada proses pendidikan.

Terdapat juga beberapa Hadis yang menunjukkan tentang kepentingan pendidikan kepada umat Islam. Sebagai contohnya, dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari RA (*Radiallahu Anhi*) dan Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: "*Tiap-tiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan suci, maka ibu bapanyalah yang menjadikan ia Yahudi, atau Nasrani, atau Majusi*" (al-Kattani, t.t.).

Dalam Hadis ini menerangkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting dalam pendidikan awal, seperti membentuk asas-asas perkembangan diri seseorang anak. "*Melentur buluh biarlah di waktu rebung*", peribahasa ini membawa analogi bahawa untuk mendapatkan keberkesanan dalam pendidikan seseorang itu mestilah bermula daripada masa kanak-kanak. Ini bertepatan dengan beberapa sabda Rasulullah SAW, contohnya: (1) "*Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka ketika berumur sepuluh tahun, jika masih tidak bersolat*"; dan (2) "*Didiklah anak-anak kamu dengan sopan santun dalam tiga perkara: kasihkan Nabi kamu, kasihkan kaum keluarganya, dan membaca Al-Qur'an*" (Langgulung, 1986).

Sejarah juga telah membuktikan kepada kita bahawa kemajuan sesuatu bangsa adalah bergantung kepada pencapaian ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh tamadun tersebut. Kedudukan istimewa manusia di muka bumi ini, seperti yang dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT, terletak kepada

kelebihannya dalam ilmu pengetahuan. Rasulullah SAW juga telah mengangkat tinggi orang-orang yang berilmu pengetahuan dan menyuruh umatnya untuk menuntut ilmu tanpa mengira tempat, masa, dan bahasa. Antara sabda-sabda yang pernah diungkapkan oleh Baginda Rasulullah SAW tentang kelebihan menuntut ilmu ialah:

“Ilmu itu hidupnya (jiwanya) dan Islam tiang agamanya”.

“Sesiapa yang berbicara tentang ilmu bererti memuji Tuhan. Sesiapa yang berusaha mencari ilmu bererti menyembah Tuhan. Sesiapa yang mengajar ilmu, Allah menyempurnakan pahalanya, dan sesiapa yang mempelajari ilmu dan mengamalkannya, Allah akan menunjukkan hal-hal yang belum diketahuinya”.

“Sesungguhnya Malaikat-malaikat menghantarkan segala sayap bagi orang yang menuntut ilmu dan redha dengan apa yang dituntutnya”.

“Sesiapa yang berjalan dalam keadaan jalan menuntut padanya akan ilmu, nescaya memudahkan Allah Ta’ala baginya jalan ke syurga, dan sesungguhnya orang yang berilmu memohon ampun baginya oleh orang-orang yang di dalam tujuh petala langit dan mereka yang ada di dalam bumi sehingga segala ikan yang di dalam air”.

“Menghidupkan Allah Ta’ala akan hamba-hamba-Nya pada hari kiamat, kemudian Dia membezakan para ulamak, maka Dia berfirman kepada mereka: Wahai para ulamak, sesungguhnya Aku tidak menghantar ilmu-Ku pada kamu kerana hendak menyeksa kamu, tetapi demi memuliakan kamu; pergilah kamu sekalian ke syurga-Ku, maka sesungguhnya Aku telah mengampuni bagi kamu”.

“Sesiapa yang datangnya Malaikat maut, sedang dia dalam menuntut ilmu supaya menolong dengannya Islam, maka antaranya dan antara para Anbia darjat yang satu di dalam syurga”.

“Ilmu ada khazanah-khazanah dan anak kuncinya pertanyaan dan tanyakanlah olehmu sekalian, maka sesungguhnya bertanya tentang ilmu itu diberi pahalanya empat orang: *Pertama*, orang yang bertanya. *Kedua*, orang yang kena tanya. *Ketiga*, orang yang mendengar pertanyaan dan jawapan. *Keempat*, orang yang kasih kepada ketiga-tiga orang tersebut”.

“Demi sesungguhnya engkau berpagi-pagi, maka engkau menuntut satu bab daripada ilmu lebih baik daripada bahawa engkau sembahyang sunat seratus rakaat”.

Berdasarkan kepada Hadis-hadis di atas, rata-rata memberikan dorongan kepada manusia supaya senantiasa berusaha memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang boleh didapati daripada proses pendidikan. Pendidikan mempunyai kuasa untuk mengubah minda, pandangan, dan cara hidup seseorang. Tegasnya, ilmu pengetahuan memainkan peranan yang cukup penting sebagai asas kekuatan sesuatu bangsa atau tamadun. Malah telah berlaku beberapa kali dalam sejarah, bagaimana sesuatu bangsa yang kuat tetapi tidak ditunjangi dengan budaya ilmu yang baik akan memeluk dan menganut nilai-nilai dan ciri-ciri tamadun lain yang ditaklukinya (Nor Wan Daud, 1990:53).

Dari perspektif Al-Sunnah, kita boleh mengambil contoh daripada beberapa tindakan Rasulullah SAW sebaik sahaja Baginda diangkat menjadi Rasul. Ia boleh dibahagikan kepada dua fasa, iaitu fasa pertama ketika beliau berada di Kota Mekah; dan yang kedua ketika beliau berada di Kota Madinah. Di Kota Mekah, Baginda telah menyeru kepada agama Allah di samping mendidik mereka yang telah menyahut seruan dakwah Islam. Walaupun secara zahirnya usaha dakwah pada peringkat awal ini kelihatan kurang berjaya sehingga membawa kepada penghijrahan Rasulullah SAW ke Kota Madinah, namun secara hakikatnya ia telah membuktikan kejayaan besar Baginda ke atas orang-orang jahiliyah. Ini kerana Rasulullah berjaya mendidik sebilangan para sahabat dalam tempoh tersebut dan membentuk mereka menjadi sebuah kelompok yang mempunyai keistimewaan dari sudut akidah, budi pekerti, serta matlamat hidup (Shadid, 1994:1). Selain itu, Baginda juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kelas bimbingan dan didikan kepada golongan *Musabiqun al-Awwalun* di rumah Abi bin Abi al-Arqam. Muhammad SAW selaku Nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT telah menggunakan pendekatan pendidikan bagi membangunkan Islam, sekaligus mencapai matlamat pengutusannya.

Selepas dakwah Baginda mendapat tentangan daripada penduduk Quraisy di Kota Mekah, Rasulullah SAW telah berhijrah ke Kota Madinah demi keselamatan dan kelangsungan Islam yang baru melalui proses awal perkembangannya ketika itu. Di Kota Madinah, selain daripada menubuhkan kerajaan Islam yang pertama, antara aspek pembangunan yang ditekankan oleh Rasulullah SAW adalah pembangunan dalam bidang pendidikan. Sebagai langkah awal, beliau telah melantik beberapa orang individu dari kalangan sahabat Baginda untuk menjadi guru, antaranya Abu Ubaidah al-Jarrah dan Ubadah bin Al-Samit untuk mengajarkan Al-Qur'an kepada masyarakat Islam (Yahya Ibrahim, 2004:8). Pada peringkat ini, pendidikan tidak terfokus kepada persoalan akidah semata-mata, malah menyentuh soal kekeluargaan dan masyarakat, peraturan serta tindak-tanduk dalam hidup, di samping melaksanakan syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan. Maka dengan itu, bidang atau skop pendidikan menjadi bertambah luas selaras dengan meluasnya tujuan serta beragamnya suruhan serta larangan Allah SWT (Shadid, 1994:3).

Di samping itu, Rasulullah SAW juga telah memperluaskan fungsi dan peranan masjid sebagai tempat untuk mendapatkan pendidikan. Dalam hubungan ini, masjid tidak dilihat sebagai tempat untuk beribadat semata-mata tetapi dilihat juga peranannya yang sepadu dalam pembangunan dan perkembangan ummah. Masjid telah dijadikan sebagai pusat pembentukan Muslim yang bertaqwa; atau dalam erti kata lain, masjid dianggap sebagai pusat pendidikan Islam yang terkemuka. Baginda juga telah memilih beberapa orang daripada kalangan orang-orang Mukmin yang direkrut khas untuk menjalankan tugas-tugas pendidikan (Rahman, 1990).

Selain itu, Rasulullah SAW juga telah mengeluarkan arahan tentang pendidikan. Arahan tersebut dinyatakan oleh Baginda setahun selepas peristiwa hijrah ke Kota Madinah. Baginda telah naik ke mimbar masjid dan berkata seperti berikut:

Apatah halnya orang-orang Mukmin tidak mengajarkan ilmu agama kepada jiran tetangga mereka dan mereka pula tidak belajar; tidak juga memberi nasihat supaya orang lain pergi belajar. Maka hendaklah kamu ketahui, kaum Muslimin hendaklah mengajar jiran tetangga mereka dan mengajarkan ilmu agama dan memberi nasihat dan menyuruh berbuat perkara yang baik dan melarang perkara yang jahat. Dan mereka itu pula hendaklah belajar, dan jiran tetangga itu hendaklah mempelajari agama dan memberi nasihat. Kalau mereka tidak berbuat demikian, saya akan jatuhkan hukuman ke atas mereka (dipetik oleh al-Kattani, t.t.:410; dan Yahya Ibrahim, 2004:9).

Salah satu lagi contoh daripada tindakan Rasulullah SAW yang menunjukkan bahawa Baginda amat menitikberatkan soal pendidikan umat Islam adalah seperti yang berlaku selepas peristiwa perang Badar, sekitar abad kedua Hijriah (Rahman, 1990:109). Tentera-tentera Islam telah berjaya menawan seramai 70 orang puak Quraisy. Kebanyakan daripada tawanan perang ini merupakan mereka yang tahu membaca dan menulis. Golongan ini telah diberi pilihan untuk membebaskan diri mereka dengan syarat membayar harga tebusan diri dengan menjadi guru menulis dan membaca kepada umat Islam di Madinah. Menurut laporan sejarah, dengan perhatian cukup tinggi yang telah diberikan oleh Rasulullah SAW, maka dalam masa yang singkat golongan tawanan Quraisy tersebut berjaya mengajar seramai 4,000 orang Islam sebelum mereka dibebaskan (Shalaby, 1954:17).

KESIMPULAN

Pemerhatian terhadap kebangkitan tamadun Islam pada masa lalu tidak menafikan pembangunan dalam bidang pendidikan sebagai asas terpenting kekuatan sesuatu tamadun. Tidak dinafikan juga bahawa ilmu merupakan faktor terpenting dalam menentukan kebahagiaan individu dan kejayaan serta kekuatan sesuatu bangsa atau umat. Kehormatan dan kemuliaan diri, keluarga, bangsa, agama, dan negara juga terletak pada kekuatan ilmu setiap individu di dalam masyarakat itu. Ilmu yang bermanfaat akan menjadikan setiap individu Muslim itu maju, berdaya saing, dan berkembang di atas landasan syariat.

Bagi umat Islam, Al-Qur'an dan Al-Sunnah haruslah dijadikan panduan dalam mendasari pendidikan masyarakat, kerana pendidikan dalam Islam mempunyai kaitan dengan aspek jasmani dan rohani serta merupakan suatu bentuk kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Oleh hal yang demikian, pembinaan terhadap kedua-duanya haruslah seimbang supaya dapat mengembalikan kegemilangan tamadun Islam, seperti mana yang telah ditunjukkan pada zaman awal Islam. Pepatah Cina ada mengatakan: "*Jika kamu merancang untuk satu tahun, tanamlah gandum; jika kamu merancang untuk satu dekad, tanamlah pokok; dan jika kamu merancang untuk satu ribu tahun, tanamlah*

atau didiklah manusia". Pepatah ini selari dengan ajaran Islam yang mengambil berat pada pemerihalan pendidikan sepanjang hayat bagi memperkasakan tamadun umat manusia.

Bibliografi

- Ahmad, Kurshid. (1975). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: ABIM [Angkatan Belia Islam Malaysia].
- Alavi, Hamid Reza. (2008). "Nearness to God: A Perspective on Islamic Education" dalam *The Religious Education Association*, Vol.103, No.1 [January-February].
- al-Kattani, Abd al-Hay. (t.t.). *Nizam al-Hukumah al-Nabawiyah al-Musamma bi al-Taratib al-Idariyyah*. Lubnan: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ashaari, Mahyuddin. (2001). "Pendidikan Al-Quran Menjana Keupayaan Berfikir" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil.9, Bil.4 [November].
- Ashraf, S.H. (1985). *New Horizons in Muslim Education with a Foreword by Syed Hossein Nasr*. Cambridge: Hodder and Stoughton, the Islamic Academy.
- Azmi Jasmi, Kamarul & Ab Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Bakar, Ismail. (1999). *Sejarah Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Chabib Thoha, H.M. (1996). *Kapita Selekta Pendidikan Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka]. (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewey, John. (1930). *Democracy and Education: An Introduction to the Philosophy of Education*. New York: The MacMillan Company.
- Halsted, J. Mark. (2004). "An Islamic Concept of Education" dalam *Comparative Education*, Vol.40, No.4 [November], ms.517-529.
- Hashim, Rosnani. (2006). "Falsafah Penyelidikan Pendidikan dari Perspektif Islam: Konsep dan Matlamat" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 12, Bil. 1 [Julai].
- Ishak, Abdullah. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar, Zainuddin. (2003). "Matlamat dan Fungsi Penubuhan Institusi Pengajian Islam" dalam Suzalie Mohamad [ed]. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM [Institusi Kebajikan Islam Malaysia].
- Khaldun, Ibn. (2000). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia]. (1988). *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Langgulong, Hassan. (1986). *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Langgulong, Hassan. (2001). "Islamisasi Pendidikan dari Perspektif Metodologi" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil.9, Bil.3, ms.17-32.
- Mohd Hashim, Omar. (1988). "Kata Alu-aluan". *Ucapan semasa Kongres Pendidikan Negara di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 17 Mac*.
- Naquib al-Attas, Syed Muhammad. (1979). "Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims in Educations" dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas [ed]. *Aims and Objectives of Islamic Education*. London: Hodder & Stoughton, ms.19-47.

- Naquib al-Attas, Syed Muhammad. (1992). *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, diterjemah oleh Samsudin Jaapar.
- Nor Wan Daud, Wan Mohd. (1990). "Budaya Ilmu sebagai Asas Pembangunan Tamadun" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil.3, Bil.1, ms.51-67.
- Pimpinan ar-Rahman. (t.t.). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur, Malaysia: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Rahman, Amir A. (1990). *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reza, Syahrul. (2008). "Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun: Suatu Kajian terhadap Elemen-elemen Kemasyarakatan Islam". *Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan*. Pulau Pinang: USM [Universiti Sains Malaysia].
- Shadid, Muhammad. (1994). *Metodologi Al-Quran dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, diterjemah oleh Osman Khalid.
- Shalaby, Ahmad. (1954). *History of Muslim Education*. Beirut: Dar al-Kasyaf.
- Simpson, J.A. & E.S.C. Weiner. (1989). *The Oxford English Dictionary*, Volume 5. Oxford: Clarendon Press, 2nd edition.
- Thaiibul Mas'udil Banjaari, Al-Syeikh Husin Nasir Muhammad. (2008). *Mengenal Jalan Beriman kepada Allah Taala (Tuhan al-Majid)*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, penyusun Amdan Hamid.
- Yahya Ibrahim, Awang. (2004). *Ilmu Pengetahuan dan Tujuan Pendidikan Mengikut Pandangan Islam*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islam, Kementerian Hal Ehwal Uagama.
- Yusuf Ahmad, Mohd. (2002). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Yusuf Ahmad, Mohd. (2004). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya], cetakan ke-2.